

09 MAY 2001
MDC-LAWATAN
PM ST LUCIA MELAWAT MDC

CYBERJAYA, 9 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri St Lucia, Dr Kenny Davis Anthony, menghadiri satu majlis taklimat di Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) di sini, hari ini.

Anthony sedang dalam lawatan rasmi selama empat hari ke Malaysia bermula hari ini atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anthony telah diberikan taklimat oleh Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah mengenai perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan peluang-peluang perniagaan dalam sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Malaysia. -- BERNAMA

AN SHY KY OS